

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGONG TAHUNAN 1994 PERSATUAN DARUL
RIDZUAN DI NEGERI SELANGOR/WILAYAH PERSEKUTUAN
Lokasi : PUSAT BELIA ANTARABANGSA, CHERAS, KUALA LUMPUR
Tarikh : 29-05-1994

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama dalam majlis Mesyuarat Tahunan 1994 Persatuan Darul Ridzuan di Selangor/Wilayah Persekutuan. Saya juga mengucapkan terima kasih atas jemputan Persatuan untuk saya merasmikan Mesyuarat Agung Tahun 1993 Persatuan ini.

Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian,

2. Apabila saya merenung kembali keadaan Negeri Perak setelah beberapa kali balik secara persendirian dan rasmi, di ingatan saya terbayang satu persoalan yang sangat besar.

Mengapa Negeri Perak pada masa dahulu sangat digemari dan sering menjadi rebut antara-negeri-negeri jiran dan penjajah-penjajah. Menyingkap dalam sejarah Perak terdapat Kerajaan-kerajaan yang terlibat dalam pergelutan dengan kerajaan Negeri Perak iaitu Kedah, Melaka, Johor, Pahang, Selangor, Aceh, Bugis, Siam, Portugis, Belanda dan Inggeris. Pada ketika itu, Perak menjadi pusat pergerakan politik dan ekonomi umpama sebuah perahu dalam pergelutan dengan arus dan ombak politik antarabangsa masa itu. Semua itu kerana Perak mempunyai hasil bijih timah yang banyak dan pihak Portugis, Belanda dan Inggeris sentiasa berusaha untuk menjadi monopoli di kawasan ini. Ini telah menimbulkan keadaan kucar-kacir di Perak yang telah menyebabkan Penjajah Inggeris campurtangan di Perak pada abad ke 19 khasnya di tempat-tempat bijih di Larut, Taiping dan Lukut.

3. R.O. Windstedt dan R.J. Wilkinson pernah menyatakan "from the foundation down to the time of British protection Perak suffered every sort of humiliation and defeat and domestic tragedy". Seterusnya Perak dijelaskan dalam keadaan seperti berikut:- "Down to 1826 when the British intervened, Perak was no more than a shuttle-cock between Selangor and Siam. In truth she was always a shuttle-cock : between Portugal and Aceh, between Aceh and the Dutch, between Minangkabaus and Bugis, between Selangor and Siam.

An after the Kedah wars at the beginning of the 18th century nearly every decade of her history was disfigured by fractricidal struggles between princes of her own royal house." 4. Kini setelah kita merdeka, dan dalam tahun 1994 ini Negeri Perak juga terus dimasuki oleh orang-orang luar tetapi dalam berlainan cara - sebagai pelabur asing yang ingin menimba kekayaan Negeri Perak bersama-sama dengan anak-anak negeri. Ini menunjukkan bahawa Perak masih lagi kaya dan dapat menarik pelabur-pelabur untuk menanam modal di sana.

5. Saya membangkitkan soal ini kerana semenjak awal Kesultanan Perak hingga sekarang, Negeri Perak tidak sunyi dari dikunjungi oleh berbagai bangsa untuk mencari keuntungan ekonomi. Saya yakin anak-anak Perak baik dalam Kerajaan ataupun swasta lebih arif tentang kekayaan hasil mahsul Negeri Perak dan disamping itu cabaran-cabaran untuk mencapai taraf negeri yang aman makmur setanding dengan negeri lain di Malaysia. Saya yakin Persatuan ini juga arif tentang peluang-peluang untuk memajukan Negeri Perak.

6. Mengikut objektif Persatuan Darul Ridzuan secara amnya bertujuan memupuk semangat dan perasaan muhibah dan terbaik-baik sangka diantara ahli dan masyarakat umum; menggalakkan ahli-ahli mengguna masa lapang secara memunafatkan ahli dan masyarakat; mengadakan aktiviti-aktiviti amal dan lain-lain. Dalam aspek ini, saya yakin objektif-objektif murni ini adalah menjadi target atau sasaran Persatuan ini. Saya difahamkan bahawa pada masa ini terdapat seramai 2530 orang ahli dan ahli seumur hidup seramai 183 orang semenjak ditubuhkan pada 9 Mei 1962.

7. Saya juga difahamkan bahawa Persatuan ini mempunyai kedudukan kewangan yang teguh dalam bentuk harta dan simpanan wang. Ini adalah satu asset kepada persatuan dan saya yakin dengan lebih

ramai ahli, persatuan akan lebih kukuh lagi untuk melaksanakan projek-projek tertentu. Saya yakin Persatuan di bawah pimpinan Y.B. Dato' Megat Junid akan terus mendapat munafaat ini. Dalam aspek ini sebagai satu cara untuk membantu anak-anak/ahli-ahli untuk maju harus pihak Persatuan ingin menceburkan diri dalam kelas-kelas bahasa seperti Bahasa Inggeris dan lain-lain bahasa asing. Pihak Kerajaan sendiri melalui Institut Diplomas dan Hubungan Luar Negeri (IDHL) dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telahpun melaksanakan kursus-kursus bahasa khas untuk pegawai-pegawai Kerajaan.

Tujuannya adalah bagi meningkatkan prestasi dan produktiviti pegawai-pegawai supaya dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik.

8. Memandangkan ramai ahli-ahli di Selangor dan Wilayah Persekutuan yang menetap di sini dan mempunyai anak-anak yang bersekolah, harus, mereka memerlukan tuition dan kelas khas dalam Bahasa Inggeris, Melayu, Jepun, Jerman dan lain-lain. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meluaskan pusat-pusat pembelajaran ke negara-negara lain daripada tempat-tempat tradisional seperti ke United Kingdom, Amerika Syarikat atau Australia.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. Pada hari ini tuan-tuan akan menghadapi mesyuarat agung yang mana telah lama ditetapkan. Kepada perkhidmatan awam, saya telah lama mengeluarkan satu Pekeliling Kemajuan Pentadbiran bertajuk: "Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Urusan Jawatankuasa- Jawatankuasa Kerajaan" iaitu pada tahun 1991. Di dalam Kerajaan seperti tuan-tuan sedia maklum, penyelenggaraan dan penguatkuasaan menjadi salah satu tugas utama agensi-agensi Kerajaan. Oleh itu banyak mesyuarat perlu diadakan untuk menyelaras projek-projek dan sebagainya. Dengan itu panduan adalah penting supaya mesyuarat menjadi berkesan berjalan dengan licin. Dalam hal ini saya seringkali membangkitkan bahawa "masa juga boleh terbuang sekiranya kita tidak bijak mengendalikan mesyuarat. Mesyuarat- mesyuarat menjadi tidak produktif jika:- i. Mesyuarat jarang diadakan dan perkara yang hendak dibincang menjadi out-of-date bila dibincang; ii. orang (ahli-ahli) tidak memberi sumbangan atau tidak mahu menghadiri mesyuarat; iii. tidak ada persediaan yang rapi bagi mesyuarat; iv. sikap tidak bersungguh-sungguh dalam mesyuarat; v. tidak ada follow up dan follow through bagi perkara- perkara yang telah diputuskan oleh mesyuarat.

Pendek kata the cost of a meeting can be prohibitive if the meeting is not being conducted with 3 E's in mind, namely, effectiveness, efficiency and economy. Saya juga sering mengingatkan pegawai- pegawai awam dan sektor swasta tentang pengurusan masa. Kita pasti bahawa pekerja-pekerja yang bermasalah sudah pasti tidak dapat menguruskan masa dengan bijak. Banyak masa yang dibazirkan menyebabkan produktiviti dan kualiti organisasi terjejas. Organisasi akan menanggung kerugian apabila anggota-anggota tidak bijak menguruskan masanya dengan sempurna. Kesan daripada keadaan ini adalah:- i. organisasi akan menanggung kos tambahan kerana lewat menjalankan tugas-tugas tertentu; ii. pembaziran sumber yang ada samada kewangan atau anggota atau masa; iii. imej organisasi terjejas dan orang ramai akan hilang keyakinan.

Saya berkeyakinan kita juga dapat memunafaatkan perkara-perkara di atas supaya persatuan kita lebih berjaya dan dapat menarik lebih banyak ahli untuk aktif.

10. Dalam berpersatuan, saya sangat bernasib baik kerana berpeluang menjadi anggota beberapa persatuan dan kelab. Saya mendapati bahawa banyak perkara dapat dilaksanakan bersama-sama dengan ahli bagi memajukan Kelab atau Persatuan. Dalam konteks pembangunan negara yang pesat, konsep akauntabiliti, produktiviti dan kualiti memainkan peranan yang sangat besar bagi memajukan organisasi. Saya berpendapat bahawa persatuan yang kita jalankan perlu menegaskan konsep akauntabiliti. Dalam Perkhidmatan Awam saya mentafsirkan akauntabiliti sebagai the obligation to give answers and explanations concerning one's action and performance, to those with a right to require such answers and explanations. Saya rasa persatuan juga perlu memiliki pemahaman yang sama atas soal ini memandangkan mandat yang diberi oleh ahli-ahli kepada Ahli-ahli Jawatankuasa untuk mentadbir persatuan. Dengan adanya praktis yang baik saya penuh keyakinan persatuan boleh mencapai kejayaan yang baik.

11. Seperti mana-mana organisasi, Persatuan perlu juga menegaskan tentang produktiviti dan kualiti. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menjelaskan :- "Kualiti adalah sesuatu keadaan yang cemerlang atau amat baik tetapi kebaikan itu tidak terhad atau tetap pada sesuatu tahap. Ianya tidak statik. Ia bergerak sepanjang masa. Justeru itu, apabila sahaja kita mencapai kualiti yang kita mendapati ada lagi kualiti yang lebih yang mesti kita kejar. Setelah kita mengejar dan mencapai kualiti yang baru yang menjadi matlamat kita, sekali lagi kita mendapati ada lagi kualiti yang lebih baik daripada itu yang perlu kita kejar. Dengan itu, usaha kita tidak berhabis-habisan dan tidak ada hadnya dan kita perlu mengejar kualiti sepanjang masa". The race to quality improvement is really two races. One is getting ahead; the other is to stay ahead. Quality is a moving target, something like a one mile race. What was once a terrific four minute mile is now only second or third best. Ini bermakna setiap kita atau persatuan kita perlu melalui perubahan dari masa ke semasa demi untuk mencapai kemajuan dan pembangunan. Walaupun demikian ahli-ahli sendiri perlu menjalankan tanggungjawab ini dengan sebaik mungkin agar objektif-objektif Persatuan dapat dicapai dengan jayanya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih atas jemputan kepada saya ini dan dengan ucapan Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan 1994 Persatuan Darul Ridzuan di Selangor/Wilayah Persekutuan.